

Hasilkan penyelidikan untuk dimanfaatkan komuniti

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Universiti-universiti penyelidikan di negara ini diminta menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang bukan sahaja bertaraf dunia, malah boleh memberi manfaat kepada komuniti agar kesan positif serta perkongsian ilmu dapat dijalin bersama masyarakat.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, langkah itu antara lain bagi menjadikan universiti penyelidikan berperanan sebagai penyumbang kepada peningkatan pembangunan ekonomi dan kehidupan komuniti setempat.

Untuk itu, katanya, kerajaan akan terus menyalurkan bantuan dan dana kepada universiti terbabit agar lebih banyak kajian serta penyelidikan bertaraf dunia dapat dihasilkan.

“Kita mengjangkakan peruntukan yang bakal disalurkan kepada lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) masih melibatkan jumlah yang sama pada tahun depan.

“Sejak penubuhan universiti-universiti itu, kita memperuntukkan kira-kira RM80 juta hingga RM100 juta setahun kepada universiti berkenaan agar golongan penyelidik dapat menghasilkan pelbagai kajian terbaik, bertaraf dunia serta paling penting dapat dimanfaatkan kembali oleh masyarakat,” katanya dalam sidang akhbar selepas Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan Siri Ke-5 di UKM, Bangi, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Dalam majlis sama, sebuah buku hasil tulisan Asma bertajuk *Impact of Malaysian Research Universities as the Engine of Growth for Nation Building* serta sebuah kereta yang menggunakan hidrogen *sel*

fuel hasil rekaan penyelidik UKM dilancarkan.

Dalam pada itu, Idris berkata, kewujudan universiti penyelidikan adalah bukti transformasi pendidikan negara berada pada landasan yang terbaik apabila mampu melahirkan lebih 25,000 pemegang ijazah doktor falsafah (Ph.D) sejak tujuh tahun lalu.

Tambah beliau, ketika ini lebih 80 peratus tenaga pengajar di lima universiti berkenaan merupakan pemegang Ph.D.

“Jika dibandingkan beberapa tahun sebelum ini, kita tidak dapat mengeluarkan ramai pemegang Ph.D dalam negara, namun sekarang kita sudah mampu melahirkan sendiri pemegang Ph.D menerusi universiti tempatan yang tidak memerlukan kos tinggi.

“Jumlah ini membuktikan kejayaan universiti penyelidikan negara kerana walaupun baru diwujudkan, namun mampu menunjukkan perkembangan yang amat membanggakan negara,” katanya.



IDRIS JUSOH dan Noor Azlan Ghazali menaiki kereta yang menggunakan hidrogen *sel fuel* sempena Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan Siri Ke-5 di UKM, Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD AZIM ABD. RAHMAN